



MPC (KM) 601.3

13 Ogos 2012

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN,

Tuan/Puan,

KAJIAN PENENTUAN KEUPAYAAN TEKNOLOGI DAN INOVASI BAGI SYARIKAT MILIK MALAYSIA

Dengan hormatnya saya merujuk perkara mengenai **Kajian Penentuan Keupayaan Teknologi dan Inovasi bagi Syarikat Milik Malaysia.**

2. Dimaklumkan bahawa Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) sedang menjalankan kajian bagi mengukur keupayaan teknologi dan inovasi bagi syarikat-syarikat milik Malaysia. Bagi tujuan tersebut, **MPC telah melantik sepasukan penyelidik daripada Universiti Kebangsaan Malaysia untuk tujuan pengumpulan data kajian.**

3. Sehubungan itu, pihak MPC sangat berbesar hati sekiranya tuan/puan dapat memberikan maklumbalas kepada pembawa surat ini bagi menjayakan kajian ini. **Semua maklumat yang diberikan adalah sulit dan hanya digunakan bagi tujuan analisa secara umum sahaja bagi mengetahui tahap kedudukan keupayaan teknologi dan inovasi syarikat tuan/puan dengan industri atau sektor yang sama.**

4. Sebagai makluman tuan/puan, hasil kajian ini akan dikongsikan dengan semua responden yang terlibat di dalam satu sesi perkongsian yang akan diadakan setelah kajian ini selesai kelak.

5. Di atas maklumbalas tuan/puan itu kami dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"1MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"

Saya yang menurut perintah,

(DATO' MOHD RAZALI HUSSAIN)

Ketua Pengarah

Perbadanan Produktiviti Malaysia

TRANSFORMATION • INNOVATION • PARTNERSHIP

(Sila rujuk bilangan surat ini apabila menjawab)